

Dr M kongsi idea kedai koperasi kampung di Jepun

BH - 3/11/2020 m/s: 8

PM timbulkan persoalan adakah boleh dilaksanakan di Malaysia

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad melontarkan idea mengenai kedai koperasi kampung di Jepun dan tertanya-tanya sama ada ia boleh dilaksanakan di Malaysia.

Memuat naik kisah itu dalam blog beliau, chedet.cc semalam dan dikongsi dalam Facebook serta Twitter; Perdana Menteri berkata, kedai itu beroperasi dengan jayanya di pulau Okinawa.

“Okinawa ialah sebuah pulau yang panjang dan sempit yang jaraknya 100 km (kilometer) dari utara ke selatan. Di zaman dahulu,

penduduk di selatan sukar untuk mendapatkan bekalan dari utara.

“Penduduk di kampung itu memutuskan untuk mewujudkan sebuah kedai bagi memenuhi keperluan mereka. Mereka mengumpulkan wang daripada penduduk kampung dan membina sebuah kedai.

“Mereka mengupah seorang lelaki di kampung itu untuk menguruskan kedai itu. Wang diberikan oleh penduduk kampung bagi membeli barangan dari utara untuk diisi di kedai bagi keperluan mereka.

“Penduduk kampung membeli barang keperluan mereka, tetapi tidak membayarnya serta-merta, sebaliknya mereka tulis nama dan barang yang diambil pada sekeping kertas. Setiap kali mereka perlukan barangan atau makanan, mereka tulis nama pada sekeping kertas dan dile-

katkan di papan kenyataan dalam kedai itu.

“Pada akhir bulan, mereka akan jumlahkan belian yang tersenarai pada kertas itu dan membayar amaun yang perlu dijelaskan, wang disimpan dalam peti simpanan.

Apabila perniagaan kurang memberangsangkan, mereka meletakkan sebuah meja dan beberapa kerusi serta mula menjual minuman dan kopi.

“Setiap kampung akan mempunyai kedai kampung milik bersama ini. Ia seperti koperasi, dimiliki dan dikendalikan oleh penduduk kampung.

“Hari ini, kebanyakannya sudah tiada berikutan akses kepada keperluan menjadi semakin mudah disebabkan adanya jalan raya lebih baik, motosikal dan kereta.

“Sebuah kedai yang saya kunjungi adalah antara beberapa

yang masih tinggal. Ia amat berjaya di Okinawa. Saya tertanya-tanya jika ia boleh dilaksanakan di Malaysia,” katanya.

Perkara itu antara yang kerap diperkatakan oleh Dr Mahathir mengenai bagaimana rakyat boleh memanfaatkan koperasi.

Pada 21 September tahun lalu, ketika berucap kepada 20,000 ahli persatuan koperasi di Cyberjaya, beliau berkata, pergerakan koperasi boleh berperanan penting dalam membantu isi rumah berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar untuk berdepan kenaikan kos hidup.

Beliau berkata, sumbangan koperasi tidak harus hanya dilihat dari segi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG), tetapi juga meningkatkan kuasa beli rakyat ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama. BERNAMA